



PUSAT REPOSITORY DAN KONSERVASI SENI NEGARA

Latar Belakang

Pada tahun 1958 YM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri Malaysia yang pertama telah mengisytiharkan penubuhan Balai Seni Lukis Negara sebagai badan yang menghimpun dan memamer warisan seni visual negara untuk sekarang dan tatapan generasi akan datang sepetimana peranannya di dalam Akta 516 (1959) Balai Seni Lukis Negara.

Peranan dan tanggungjawab ini telah dikaji semula dengan mencakupi aspek yang lebih luas menjangkau titik sentuh seluruh pelusuk negara. Pemaktuban Akta 724 Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara pada 2011 telah meletakkan matlamat sebagai pusat terunggul pemegang amanah warisan seni negara dalam mengumpul, memulihara, memelihara, memamer, mempromosi, memupuk kesedaran, kefahaman dan penghayatan yang tinggi terhadap seni kepada semua lapisan masyarakat. Peranan seni visual itu sendiri diberi penekanan membentuk keharmonian masyarakat dengan nilai tambah sebagai sumber penjanaan ekonomi kreatif melalui pembudayaan kewangan.

Selepas lebih dari 60 tahun, kegiatan menghimpun karya seni telah berkembang dengan bertambahnya bilangan pelukis, kolektor, galeri awam dan swasta serta institusi pengajian seni di seluruh negara. Melihat kepada perkembangan ini LPSVN sebagai institusi peneraju telah melangkah setapak lagi dengan menubuhkan Pusat Repotori dan Konservasi Seni Negara. Pusat ini berperanan memantapkan lagi tanggungjawab sedia ada dalam menguruskan koleksi dan konservasi seni serta menawarkan khidmat nasihat, restorasi dan storan koleksi seni kepada orang awam.

Pusat Repotori dan Konservasi Negara ini menyediakan ruang-ruang yang mempunyai keperluan khusus seperti repositori catan, karya atas kertas, objek seni dan arca serta storan khas untuk disewakan kepada kolektor. Makmal dan studio konservasi akan dilengkapi dengan kelengkapan terkini dengan pecahan kepada tiga ruang rawatan iaitu konservasi catan, karya atas kertas, bingkai dan objek seni. Selain daripada itu ruangan khas disediakan untuk pelawat melihat koleksi negara disimpan dalam repositori dan kerja konservasi yang sedang dijalankan. LPSVN berharap dengan adanya kemudahan ini aktiviti seni visual akan terus berkembang dan terpacu selari dengan pembangunan negara.

Studio Konservasi Bingkai & Objek Seni

Kerja-kerja pembingkaian di Balai Seni Negara ini dilakukan oleh pembingkai yang terlatih di kawasan seluas 51m^2 . Terdapat kemudahan alatan dan bahan-bahan yang dikhaskan untuk kerja-kerja pembingkaian serta konservasi bingkai.





Makmal Konservasi Catan

Kerja konservasi catan dilakukan oleh kakitangan unit Koleksi dan Konservasi Balai Seni Negara yang berpengalaman. Pelbagai kemudahan makmal yang terkini disediakan di makmal yang berkeluasan 348m^2 untuk kerja-kerja konservasi karya catan. Rawatan seperti *cleaning*, *tear repair*, *image re-intregation*, *lining* dan sebagainya dilakukan di sini. Selain itu ianya juga dilengkapi dengan peralatan seperti *Polarized Light Microscope* dan *X-ray Fluorescence* untuk membantu kerja-kerja konservasi dengan lebih terperinci.



Bilik Kajian Koleksi

Ruang Kajian berkeluasan 334m² khusus untuk penyelidikan koleksi, demonstrasi dan khidmat nasihat. Penyelidik dan pengkaji seni boleh melihat bahan-bahan arkib berkaitan koleksi dan juga karya koleksi dengan lebih dekat melalui temujanji yang diatur. Kerja-kerja akhir proses konservasi juga dapat disaksikan di sini. Selain itu, orang awam dapat mengetahui lebih lanjut tentang kerja konservasi melalui papan sesentuh interaktif yang terletak pada sebelah kanan dinding di luar ruang ini.



Studio Fotografi Dan Pemeriksaan Teknikal

Ruang seluas 125m² menempatkan peralatan terkini untuk kerja dokumentasi karya koleksi dan pemeriksaan teknikal. Kelengkapan yang digunakan adalah kamera format definisi tinggi, meja reproduksi, lampu ultraviolet (UV) dan pemeriksaan melibatkan penggunaan *digital microscopy*, *vidicon I.R Camera*, *raking light* dan *reflective light*.



Repositori Arca & Objek Seni

Ruang seluas 480m^2 ini dikhaskan untuk penyimpanan koleksi arca dan objek seni daripada pelbagai jenis bahan tara. Orang awam dapat melihat koleksi disimpan di sini melalui terowong kaca yang pertama seumpamanya di Malaysia.



Repositori Karya Atas Kertas

Di ruang seluas 173m^2 ini menyimpan hampir 3000 karya-karya atas kertas merangkumi cetakan, lukisan, lukisan dakwat cina, cat air, foto dan bahan arkib. Karya-karya ini disimpan di dalam bilik sejuk mengikut piawaian konservasi. Suhu bilik penyimpanan di bawah keadaan ambien akan memanjangkan jangka hayat koleksi.

Repositori Pelukis & Kolektor Seni

Terdapat 160 rak gelongsor berukuran 10'x11' yang digunakan untuk menyimpan koleksi pelukis dan kolektor seni. Setiap karya yang disimpan di sini akan mempunyai perjanjian sewaan repositori karya dan mendapat perlindungan insurans dengan kos tertentu.

*Kadar sewaan dan caj boleh dirujuk di talian 03-40267000 ext Unit Penjanaan Pendapatan, Balai Seni Negara

15

14

13

12

11

10

9

8

7

6

5

4

3

2

Repositori Catan

Karya-karya catan yang terdiri daripada pelbagai bahan tara seperti cat minyak, akrilik, batik, kolaj, dan bahan campuran yang berjumlah hampir 1500 disimpan di sini. Koleksi ini digantung di rak-rak gelongsor dengan baik di ruang seluas 760m².



PUBLIC GALLERY ARTS



Pusat Rujukan Seni Negara

Pusat Rujukan Seni Negara merupakan gedung bahan rujukan arkib dan penyelidikan dengan kerja-kerja meninjau, mengumpul, mengarkib dan mengurus maklumat arkib pelukis tanah air serta koleksi negara. Di samping itu, lebih 10,000 naskah penerbitan dalam dan luar negara seperti katalog, buku, majalah dan journal. Orang awam boleh melawat secara *walk-in* pada waktu operasi. Penyelidik yang ingin melihat bahan-bahan arkib dengan lebih dekat perlu melalui temujanji yang diaturkan.





**PROJEK KONSERVASI KITA JAGA KITA,
KITA PRESERVE DIA - RESCUE OPERATION**

Pemilik: Puan Mohaida Aini
Lokasi: Raub, Pahang
Tempoh projek: 14 – 19 Februari 2021

**PROJEK KONSERVASI CATAN DINDING
MASJID LAMA TOK MACHAP, ALOR GAJAH, MELAKA**

Pemilik: PERZIM
Lokasi: Alor Gajah, Melaka
Tempoh projek: 3 bulan

**PROJEK KONSERVASI CATAN DINDING STOR SUKAN,
UNIVERSITI MALAYA, KUALA LUMPUR**

Pemilik: Universiti Malaya
Lokasi: Universiti Malaya, Kuala Lumpur
Tempoh projek: 3 bulan

**PROJEK KONSERVASI MURAL 'BASS RELIEF' MASJID
DIRAJA SULTAN SULEIMAN SHAH, KLANG, SELANGOR**

Pemilik: Kerajaan Negeri Selangor
Lokasi: Masjid Diraja Sultan Suleiman Shah,
Klang, Selangor
Tempoh projek: 6 bulan



PERKHIDMATAN

Khidmat Nasihat

Konservasi Pencegahan & Kuratif

Laporan Kondisi Karya

Penyelidikan Bahan

Latihan

BALAI SENI NEGARA NATIONAL ART GALLERY
No.2, Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala Lumpur.
Tel: +603. 4026 7000 Fax: +603. 4025 4987 www.artgallery.gov.my
info@artgallery.gov.my NAGarthospital@artgallery.gov.my



Mobile Apps

LPSVN